



Harus berkongsi dobi

Soal jawab agama



APA hukum berkongsi mesin basuh di kedai dobi yang juga digunakan oleh individu bukan Islam?

KEBIMBANGAN segelintir umat Islam bahawa pakaian individu bukan Muslim adalah kotor dan najis adalah kebimbangan yang normal dan baik. Namun kebimbangan ini tidak sewajarnya membawa kepada pengasingan dobi.

Ini kerana beberapa sebab berikut:

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan kepada e-mel nidium@yahoo.com

- Tiada najis jelas kelihatan
 - Pakaian individu bukan Muslim adalah sama seperti dengan pakaian individu Muslim
- Maka ia tidak menjejaskan kesucian mesin dobi. Oleh itu,

adalah harus untuk kita berkongsi mesin dobi dengan individu bukan Muslim.

Bagi insan yang ingin berhati-hati dan tidak ingin berkongsi mesin dengan bukan Muslim adalah terserah kepada diri sendiri.